

Lawatan PM ke China diharapkan beri faedah negara

UM 6 NOV 1985

KUALA LUMPUR 5 Nov. — Lawatan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ke China tidak lama lagi diharapkan akan menghasilkan faedah kepada negara ini terutamanya dalam mengimbangkan jurang \$700 juta dagangan yang menguntungkan China.

Ahli Parlimen kawasan Beruas, Datuk Michael Chen berkata, mengikut perangkaan, Malaysia telah mengimport barangan bernilai \$900 juta dari China tahun lalu dan hanya mengeksport barangan berjumlah \$200 juta ke negara itu.

Berucap membahaskan belanjawan 1986 di Dewan Rakyat di sini hari ini, beliau berkata, sesuatu mesti dilakukan untuk mengimbangkan jurang itu dan lawatan Perdana Menteri ke China adalah sebaik-baik masa untuk berbuat demikian.

Beliau juga berharap, para pemimpin kedua-dua negara akan membincangkan pentingnya mereka bekerjasama dan bersabhat untuk kebaikan bersama kerana kedua-dua negara terletak dalam benua Asia.

Datuk Michael Chen juga menarik perhatian Dewan terhadap jualan barangan tempatan yang mengalami kemerosotan kerana pasaran lemah dari segi permintaan dan harga yang secara langsung mengkhawatirkan keadaan ekonomi negara.

Industri

Walaupun beliau tidak menafikan keadaan itu adalah akibat kemelesetan ekonomi dunia dan persaingan hebat negara-negara lain, beliau menyeru pengeluar barangan memahami sepenuhnya punca masalah itu.

"Negara akan kalah dalam persaingannya jika para pengeluar tidak menambah pengeluaran di samping mengurangkan kos pengeluaran barangan," kata beliau.

Mengulas tentang belanjawan tahun depan, Datuk Michael Chen berkata, belanjawan yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin adalah positif, wajar dan realistik.

Katanya, memberi penekanan kepada penggalakan pelaburan dalam berbagai bidang industri dan pelancongan adalah satu falsafah dan kaedah yang baik diamalkan untuk mengatasi keadaan kemelesetan ekonomi ini.

Beliau bagaimanapun melahirkan rasa bimbang terhadap laporan yang menyatakan jumlah kakitangan awam yang terlalu besar di mana untuk membayar pencen sahaja memerlukan \$1 laksana setahun.